



KEJAYAAN: Kasim bersama pelajar FKJ dan robot ciptaan yang mengibarkan bendera UMS.



TAHNIAH: Kasim bersama sebahagian peserta ekspedisi menawan puncak Gunung Kinabalu.

Naib Canselor UMS tawan puncak Gunung Kinabalu

Turut disertai 30 staf dan pelajar sebagai simbolik sambutan ulang tahun UMS ke-30 dan majlis konvokesyen ke-26

UB 29.11.2024 P.08

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan ulang tahun penubuhannya ke-30 dengan misi menawan puncak Gunung Kinabalu menerusi Program UMS Lambang Puncak Jaya yang diketuai Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor.

Lebih menarik, Kasim yang tiba di puncak gunung kira-kira jam 6 pagi bersama-sama sekumpulan pelajar dari Kelab Robotik UMS yang melakar sejarah dengan membawa robot ciptaan mereka yang boleh bergerak di permukaan tidak rata untuk mengibarkan bendera UMS di puncak Gunung Kinabalu.

Kasim bersama rombongan ekspedisi memulakan cabaran sekitar jam 9.50 pagi selepas acara pelepasan peserta di Timpohon Gate.

Turut hadir Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Mohd. Raffie Janau; Pengarah Pusat Sukan, Ahmad Nurudin; Pengarah Pusat Komunikasi Korporat, Dr. Rizal Zamani Idris; dan Pengarah Pusat Pengurusan OKU UMS, Dr. Zaiton Mohamad.

Beliau yang tiba di Laban Rata pada jam 4.20 petang memulakan perjalanan ke puncak gunung seawal jam 2.45 pagi selepas bermalam dan tiba di puncak gunung kira-kira jam 6 pagi.

Program tersebut yang disertai 30 staf dan pelajar UMS adalah simbolik kepada sambutan ulang tahun UMS ke-30 dan Majlis Konvokesyen UMS ke-26 yang akan diadakan pada 7 hingga 10 Disember ini.



HEBAT: Kasim tiba di puncak Gunung Kinabalu.

Antara yang mengiringi Kasim dalam cabaran ke puncak Gunung Kinabalu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Raman Noordin; Pengarah Pusat Alumni UMS, Dr. Kamisan Pusiran; dan mantan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS Sesi 2023/2024, Roslan Abdullah yang mengetuai kumpulan pelajar UMS.

Turut serta dalam misi tersebut adalah kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UMS, anggota keselamatan dan pasukan perubatan dari Hospital UMS, MPP Sesi 2023/2024.

Juga hadir pelajar Fakulti Kejuruteraan (FKJ) yang terlibat dalam pembuatan robotik, atlet UMS yang pernah mewakili dan mengharumkan nama UMS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, dua pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) serta seorang pelajar antarabangsa dari Jepun.

Dalam pada itu, Presiden Kelab Robotik UMS, Mohd Ghazali Shafie Mohd Razalie mengetuai cabaran mengibarkan bendera UMS di puncak Gunung Kinabalu dengan robot ciptaan kumpulan pelajar FKJ.

Beliau menjelaskan, robot berbentuk kereta itu dicipta menggunakan varian empat